

Jadi juara di luar gelanggang

PANDANGAN



AMEEN TALIB

MUHAMMAD Shakir Juanda memutuskan beberapa tahun lalu bahawa silat merupakan sukan baginya.

Muhammad Shakir menumpukan sepenuh perhatian dengan latihan keras bagi diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia dalam sukan pilihannya itu.

Beliau percaya pada sokongan yang diberikan kepada sukan secara umum.

Muhammad Shakir juga berusaha melakukan yang terbaik untuk menjadi yang terbaik dan akhirnya dinobatkan sebagai juara dunia.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) berbangga dengan pencapaiannya lalu mencalonkannya bagi anugerah Olahragawan 2013.

Persekutuan itu yakin beliau layak menerimanya kerana pemuda itu telah bekerja keras dan komitmennya telah membuahkan hasil.

Tetapi Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) mempunyai perspektif lain – pencapaian tersebut belum cukup baik bagi menyandang anugerah tersebut.

Ini membuat ramai berasa keliru.

Apa lagi yang diharapkan daripada Shakir?

Mesej yang diterima ialah Muhammad Shakir terlibat dalam sukan yang kurang mendapat pengiktirafan, biarpun silat merupakan sebahagian daripada SNOC.

Adakah penerima sebelum ini mencapai lebih daripada Muhammad Shakir?

Pemenang tahun lepas ialah seorang perenang yang memenangi pingat emas dalam sukan di peringkat Asean.

Jawatankuasa anugerah menyatakan

bahawa kayu ukur bagi menerima anugerah tersebut telah dinaikkan.

Pasukan bola sepak memenangi anugerah pasukan kerana memenangi piala peringkat Asean.

Asean merupakan sasaran yang ditetapkan.

Apa yang sepatutnya menjadi sasaran silat?

Rupa-rupanya gelaran juara dunia tidak mencukupi.

Jawatankuasa anugerah sepatutnya lebih telus memberi sebab-sebab keengganan-nya memberi Shakir anugerah itu.

Secara keseluruhan ia satu episod malang bagi Persisi dan masyarakat silat.

Mempunyai juara dunia boleh membantu meningkatkan profil silat di Singapura dan menggalak lebih ramai anak muda berkecimpung dalam sukan itu.

Kini, mesej yang diterima seolah-olah silat tidak dipandang tinggi dalam sukan.

Singapura menghabiskan banyak wang untuk membawa masuk bakat sukan dari luar. Program ini telah mencapai kejayaan.

Kadang-kadang, kita tertanya-tanya berapa banyak lagi wang yang perlu dibelanjakan bagi mempromosikan sukan yang kita sedia cemerlang.

Singapura telah menghasilkan juara dalam beberapa kejuaraan silat beberapa tahun.

Silat mungkin tidak menjadi sukan yang benar-benar diakui di peringkat antarabangsa.

Namun, silat semakin popular di arena antarabangsa. Semakin banyak negara mengambil bahagian.

Mungkin Singapura boleh melakukan lebih banyak lagi usaha bagi mempromosikan sukan ini.

Ia boleh menganjurkan pertandingan antarabangsa dan menyediakan bengkel di luar negara bagi menggalak lagi masyarakat antarabangsa menyertai sukan ini.

Ia serupa bidang lain.

Bowling, misalnya, adalah satu kegiatan masa lapang beberapa tahun lalu tetapi kini ia menjadi salah satu cabang sukan.

Kita juga menyaksikan bagaimana snu-

ker dan dart telah mendapat populariti, terutama apabila ia ditayangkan menerusi televisyen.

Malah, hoki ais juga semakin popular di Singapura.

Jawatankuasa Anugerah telah secara tidak sengaja mewujudkan status 'wira' untuk Muhammad Shakir.

Persekutuan silat boleh menghidupkan Muhammad Shakir menjadi 'wira rakyat'.

Tetapi, terdapat juga bahaya Muhammad Shakir menjadi wira etnik.

Keadaan itu telah mematahkan semangat juara dunia itu, persekutuan silat dan masyarakat.

Namun, ia sebenarnya tidak perlu bertukar menjadi isu etnik.

Ia semata-mata adalah mengenai sukan tempatan atau serantau yang tidak mendapat pengiktirafan oleh majlis sukan tempatan.

Perkara ini perlu ditangani. Kita perlu memberi tumpuan kepada bidang yang kita dianggap baik dan mempertingkatkan kelebihan kita.

Jika bidang terbaik kita tidak popular, kita perlu memberi tumpuan bagi menggalaknya.

Itu adalah pendekatan yang lebih baik dan lebih memuaskan daripada cuba mengimport bakat bagi mewujudkan kelebihan yang tidak kita miliki.

Andainya anugerah Olahragawan 2013 diberikan kepada Muhammad Shakir, ia mencipta suasana yang baik di kalangan masyarakat Melayu dan menjadikan mereka berasa bangga bahawa salah seorang daripada mereka diiktiraf dan sukan yang dekat di hati masyarakat telah diiktiraf.

Malangnya, episod ini telah menyebabkan kesan sebaliknya.

Namun, usah patah semangat.

Muhammad Shakir perlu terus berjuang dan memenangi kejohanan. Beliau tidak harus berputus asa.

Mungkin baik jika Muhammad Shakir tinjau pengalaman yang dilalui peninju legenda, Muhammad Ali.

Kisah mengenai kehidupan Muhammad Ali telah difilemkan.

Antara lain, ia menceritakan pe-

ngalaman petinju itu selepas memenangi pingat emas Sukan Olimpik.

Meskipun bergelar juara dan berjaya meraih pingat emas, beliau masih tidak dibenarkan masuk ke restoran kerana dasar 'Orang kulit hitam tidak dibenarkan' (*No Blacks allowed*) masuk – satu dasar perkauman tahun-tahun 1960-an di Amerika Syarikat.

Dalam filem itu, beliau membuang pingat emas yang diraihnya kerana berasa pencapaian setinggi itu masih tidak mengubah apa-apa.

Bagaimanapun, Muhammad Ali kemudian menyedari beliau perlu berjuang dan menang di gelanggang tinju bagi membolehkan beliau memenangi perjuangan di luar gelanggang.

Muhammad Ali berjaya.

Beliau berjaya menjuarai tinju, juara orang kulit hitam (*Blacks*) dan juara umat Islam.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.

Muhammad Shakir perlu terus menja-

di juara dunia silat dan juara sukan silat di luar gelanggang.



MUHAMMAD SHAKIR JUANDA: Gelaran juara dunia tidak mencukupi bagi pesilat negara merangkul Anugerah Olahragawan bagi 2013. – Foto fail

► Penulis merupakan Profesor Adjung (Adjunct Profesor) Maastricht School of Management, The Netherlands dan Kuwait Maastricht Business School. Beliau juga Konsultan Prinsipal Ameen Talib & Associates dan Pengarah Urusan Cafe le Caire. Selain itu, beliau adalah Anggota Majlis Pengurusan Institut Timur Tengah, NUS, dan juga anggota lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan pengerusi sayap penyelidikan badan itu, Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima).